

CARA BERMAIN

1

APAKAH PERMAINAN BLOCKCHAIN 'MAIN-UNTUK-RAIH PENDAPATAN'?

- Permainan untuk meraih pendapatan ini membolehkan pemain untuk meraih mata wang kripto sebagai ganjaran, atau menjual NFT (token tidak mudah alih) dalam pasaran terbuka. Secara umumnya, lebih banyak masa yang diluangkan dalam permainan itu, lebih banyak yang boleh diraih.

2

SYARAT PERMAINAN

- Dompet kripto seperti MetaMask atau Coinbase untuk menyimpan mata wang kripto dan hubungannya kepada permainan itu.



- Permainan itu mempunyai pelbagai syarat, tetapi kebanyakannya memerlukan pemain untuk membeli watak atau barangan dalam permainan itu. Watak permainan seperti avatar haiwan peliharaan, contohnya, yang kosnya boleh mencecah ratusan dolar.

3

PENGGUNAAN MATA WANG KRIPTO


- Pemain perlu menokok dompet kripto mereka dengan mata wang seperti Ethereum atau USDT - stablecoin yang menjejak dolar AS - dan ini kemudian boleh digunakan untuk membeli watak dalam permainan itu.



4

MELAKUKAN KEGIATAN DALAM PERMAINAN

- Secara umumnya, pemain harus menggunakan watak permainan untuk melakukan kegiatan bagi memperoleh barangan atau token.
- Dalam permainan Axie Infinity, sebagai contoh, pemain boleh menentang satu sama lain atau melakukan kegiatan lain untuk memenangi token yang dinamakan Smooth Love Potion, yang boleh didagang di pertukaran seperti Binance.
- Watak permainan itu sendiri merupakan NFT yang boleh didagang atau menukar kepada wang tunai menerusi pertukaran NFT.



5

MENUKAR KEPADA WANG TUNAI

- Pemain harus terdahulu memindahkan mata wang kripto mereka ke sebuah pertukaran sebelum boleh menukarnya kepada wang tunai.



- Bagi NFT, pemain harus menjualnya dalam pasaran NFT bagi stablecoin seperti USDT sebelum mengubah stablecoin itu kepada mata wang fiat.

